

16 Ogos 2012

Y.Bhg Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda,  
Naib Canselor,  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),  
71800 Nilai,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.

*Y.Bhg Prof. Dato' Dr.*

**PELANTIKAN SEBAGAI PANEL PENASIHAT FAKULTI KEPIMPINAN DAN  
PENGURUSAN (FKP) UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak USIM amnya dan pihak Y.Bhg Dato' khususnya kerana melantik saya sebagai Panel Penasihat FKP USIM untuk tempoh tiga tahun, berkuatkuasa pada 1 Ogos 2012 sehingga 31 Julai 2015.


Insyallah, seperti yang diharapkan saya akan membantu memberikan maklumbalas dan buah fikiran terhadap perkembangan dan halatuju Fakulti khususnya dalam bidang komunikasi dan kewartawanan dalam perjumpaan setahun sekali nanti.

Pelantikan ini adalah suatu penghormatan besar untuk saya dan juga Malaysian Press Institute (MPI), sebuah Yayasan yang terbabit dalam bidang latihan kewartawanan di negara ini, selain menganjurkan pengiktirafan terhadap karya-karya terbaik kewartawanan Malaysia .

Terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan kepada saya dan juga MPI.

Sekian. Wassalam.

Yang ikhlas,

  
Chamil Wariya